

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-47
PERSATUAN JURU X-RAY MALAYSIA (MALAYSIAN SOCIETY OF RADIOGRAPHERS)

TARIKH : 1 April 2017
 MASA : 2.30 petang – 5.30 petang
 TEMPAT : HOTEL GRAND SEASONS, KUALA LUMPUR

Kehadiran : Sila lihat Lampiran A

PMSR – Presiden Persatuan Juru X-ray Malaysia

MSR – Persatuan Juru X-ray Malaysia

JXR – Juru X-ray


Bil	Minit/Perkara	Tindakan
1.	<p>Pembukaan mesyuarat</p> <p>Mesyuarat dimulakan dengan ucapan kata-kata aluan dari pengerusi (PMSR) dan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir kerana telah meluangkan masa untuk memberikan sokongan padu kepada persatuan.</p> <p>Seterusnya, PMSR mengharapkan MSR akan terus berkembang dan menjadi medan pertemuan di antara JXR bagi perkembangan profesion dan supaya profesion JXR akan lebih mantap standing dengan profesion lain yang setaraf.</p> <p>Sebelum menamatkan ucapan, PMSR sekali lagi menyatakan misi utama MSR ialah mendapatkan satu ruang pejabat untuk kegunaan MSR supaya segala dokumen dan harta milik persatuan dapat disimpan dengan sempurna.</p> <p>Bilangan ahli yang hadir untuk AGM ke-47 ialah 64 orang.</p>	Makluman
2.	<p>Pengesahan Minit Mesyuarat Agung ke-46 Minit disahkan oleh En. Farihan (IKN) dan disokong sebulat suara.</p>	Makluman
3.	<p>Perkara Berbangkit</p> <p>3.1. Misi dan Visi MSR PMSR memaklumkan Misi dan Visi MSR bagi pelan perancangan jangka panjang (20 tahun) masih belum dapat lagi dibuat dan tiada sebarang idea dan cadangan diterima setakat ini dari ahli MSR.</p> <p>3.2. Pembentukan Tabung Pendidikan dan Bangunan (Education and Building Fund) PMSR memaklumkan Tabung Pendidikan telah pun dilancarkan di Kuching semasa Konferens 27th MSRC. PMSR juga memaklumkan semua baki wang</p>	Makluman Makluman

	<p>sebelum bagi tahun 2011 akan dimasukkan ke dalam Tabung Bangunan. PMSR juga memaklumkan Tabung tersebut perlu ada pemegang amanah yang perlu dilantik.</p> <p>Bendahari memaklumkan akaun yang baru dibuka di Maybank cawangan Kg. Baru, Kuala Lumpur sudah boleh digunakan untuk semua transaksi akaun MSR. Semua simpanan di dalam akaun Standard Chartered sedang dalam proses untuk dipindahkan ke Akaun Maybank dan seterusnya akaun Standard Chartered ini akan ditutup.</p> <p>3.3. Yuran Keahlian</p> <p>Mengikut keputusan mesyuarat tahun lepas (AGM ke-42), majoriti ahli yang hadir setuju bahawa yuran tahunan keahlian persatuan adalah RM120.00 setahun. Manakala keahlian ahli bersekutu adalah RM50.00 setahun. Yuran kemasukan masih tidak berubah iaitu sebanyak RM10.00.</p> <p>Walau bagaimanapun ianya masih belum dijalankan kerana MSR masih belum mendapat kebenaran dari Pendaftar Pertubuhan (ROS). Setelah mendapat kebenaran dari ROS, barulah yuran berkenaan akan diteruskan dengan RM120 setahun. Setiap 5 tahun, yuran keahlian ini akan dibuat semakan semula samada perlu dikekalkan atau dinaikkan.</p>	Makluman
4.	<p>Laporan Aktiviti Tahunan 2016 oleh Setiausaha</p> <p>Pembentangan laporan aktiviti tahunan 2016 oleh Setiausaha. Sebanyak 6 kali Mesyuarat Exco telah dijalankan dalam tahun 2016 dan 1 kali dalam tahun 2017 (sehingga Mac 2017).</p> <p>Semua aktiviti yang telah dijalankan dan disertai oleh MSR telah dibentangkan.</p> <p>Maklumat lengkap laporan sila rujuk lampiran B.</p>	Makluman
5.	<p>Laporan Kewangan 2016 oleh Bendahari</p> <p>Pembentangan laporan kewangan bagi tahun berakhir 2016 oleh Bendahari. Maklumat lengkap laporan sila rujuk lampiran C. Laporan kewangan diterima dengan sedikit pembedaan.</p> <p>Pencadang: En. Mohd Sayuthi (KPJ Penang) dan disokong sebulat suara. Walaubagai manapun Bendahari perlu membuat sedikit pindaan di dalam penyata tersebut.</p>	Makluman
6.	<p>Hal-hal lain</p> <p>6.1 PMSR memaklumkan bahawa jawatan Penolong Setiausaha sekarang disandang oleh En. Norman yang juga memegang portfolio Exco MSR. Oleh itu MSR telah kekurangan dua orang anggota dan terpaksa bergerak dengan kekurangan anggota untuk tempoh setahun. Walau bagaimana pun telah mendapat sokongan dari kalangan ahli MSR yang sukarela membantu.</p> <p>6.2 Setiausaha MSR (En. Mazli) memaklumkan maklumat persatuan boleh diperolehi di dalam laman sesawang persatuan (http://www.msradiographer.org). Walau bagaimanapun, laman ini kurang dilawati oleh ahli menyebabkan mereka kurang mendapat maklumat tentang seminar atau konferens yang dijalankan setiap tahun.</p>	

	<p>6.3 Presiden memohon ahli-ahli MSR untuk menghantar artikel atau laporan kepada MSR untuk dimuatkan ke dalam newsletter samada dalam bahasa Melayu atau Inggeris kerana kekurangan sumbangan artikel atau laporan daripada ahli. Setakat ini hanya exco MSR dan beberapa orang ahli yang ada menghantar artikel untuk newsletter tersebut.</p> <p>6.4 PMSR seterusnya memaklumkan pada 6 Mei 2107, Pertandingan Bowling MSR akan diadakan di MIBC Melaka. MSR Short Course (Breast Imaging akan diadakan pada 13 hingga 14 Mei 2017 di Hospital Ampng. Malaysia 1st MRi Safety Conference akan diadakan di IKN pada 15 hingga 16 Julai 2017. MRTA (Macao Radiological Technologists' Association menjemput ahli MSR ke Annual Scientific Meeting mereka pada 10 September 2017 manakala MSMRT (Myanmar Society of Medical Radiation Technologists) pula menjemput semua ahli MSR untuk menyertai konferens mereka iaitu 4th SEARC (South East Asia Radiographers Conference) pada 11 hingga 12 November 2017. PMSR memaklumkan MSR akan berkolaborasi dengan ISCD untuk satu konferens yang agak besar pada 4 hingga 5 Oktober 2017 bertempat di Hotel Berjaya Times Square, KL.</p>	
7.	<p>Saguhati untuk Setiausaha dan Bendahari Bayaran saguhati kepada Setiausaha dan Bendahari dikekalkan dan disokong sebulat suara.</p>	Makluman
8.	<p>Pembubaran Ahli Jawatankuasa Sesi 2015-2016 Semua ahli jawatankuasa sesi 2015-2016 dibubarkan dan mengambil tempat bersama ahli MSR yang lain.</p>	Makluman
9.	<p>Pelantikan Ahli Jawatankuasa Sesi 2017-2018 En. Faizal Abdullah mencadangkan En. Sawal Marsait sebagai Pengerusi Sementara dan disokong sebulat suara. Tiga orang lagi sukarela membantu sebagai juru catit dan pembantu untuk kiraan undi adalah En. Sayuthi, En. Mudzakir dan En. Nizam. Bagi mempercepatkan proses En. Sawal mencadangkan supaya lantikan dibuat untuk 4 jawatan utama iaitu Presiden, Naib Presiden, Setiausaha dan Bendahari dan dipersetujui oleh sebulat suara. En. Sawal juga meminta setiap yang dicalon Presiden berdiri dan member sedikit ucapan Visi mereka. Maklumat pelantikan Ahli Jawatankuasa Sesi 2017-2018 adalah seperti di lampiran D.</p>	Makluman
10.	<p>Pembentangan Usul Tiada usul bertulis di bawa ke mesyuarat kali ini. Walaubagaimanapun terdapat beberapa cadangan dari ahli MSR. En. Muhd Aizat (PPUM) mencadangkan "fix deposit" sebanyak RM200,000 atau RM100,000 dilakukan secara "yearly basis". PMSR memaklumkan ianya akan dilakukan bergnantung kepada keadaan kewangan MSR. Sekiranya ada banyak lebihan wang ianya akan dilaksanakan. En. Elmi Hasan mencadangkan "cash at hand" ditambah kepada RM5,000 kerana keperluan untuk menggunakan duit pada masa-masa tertentu. Cadangan ini disokong oleh</p>	Makluman

	MS Ong Geok Khim. Exco akan berbincang mengenai perkara ini dan sekiranya perlu akan membuat pindaan dalam akta persatuan.	
11.	Ucapan Penangguhan Presiden MSR Sesi 2017-2018 En. Muhammad Faizal selaku Presiden MSR sesi 2017-2018 mengucapkan berbilang terima kasih kepada Exco MSR yang lama kerana telah banyak berusaha untuk MSR. Beliau seterusnya menyatakan banyak lagi tugas MSR yang belum selesai dan perlu dilakukan.	Makluman
12.	Penangguhan mesyuarat Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.30 petang dengan ucapan terima kasih dari Pengerusi.	Makluman

Disediakan oleh :




.....

En. Mazli Mohamad Zin

Setiausaha MSR Sesi 2015/2016

Disemak oleh :



.....

En. Muhammad Faizal Abdullah

Presiden MSR Sesi 2015/2016